

**AGAMA DAN FALSAFAH.** Oleh: Dr. Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti. Penerbit: Nizamiyyah Publication & Distributors. 2018. Halaman 95. ISBN 978-967-16001-2-2.

Karya ini disusun oleh Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti dengan merangkumi 10 topik yang mendalam berkaitan isu agama dan falsafah, serta meneroka respons ulama dalam menangani dilema ini. Buku ini turut mengandungi dialog akademik antara al-Buti dan seorang sarjana falsafah, Ketua Jabatan Falsafah di universiti negara Arab-Teluk. Fokus utama adalah aplikasi metodologi saintifik dalam menilai interpretasi agama secara tepat, menjawab persoalan kontemporari melalui pendekatan ilmiah yang disesuaikan berdasarkan dapatan kajian falsafah tersebut.

Dalam tajuk pertama, Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti mengkaji implikasi serius yang timbul akibat hilangnya kesedaran identiti, yang menurutnya, berpotensi mencetuskan pelbagai masalah sosial. Beliau menegaskan bahawa identiti tidak terbatas pada penampilan luaran, tetapi merangkumi kepercayaan dan cara berfikir mengenai agama. Jika aspek ini terabaikan, ia akan merugikan masyarakat. Dr. al-Buti mencadangkan agar masyarakat diingatkan akan makna kemanusiaan dan tujuan hidup sebenar, serta menegaskan bahawa kelemahan ini dapat dieksloitasi oleh pihak luar seperti British dan Zionis, sebagaimana yang berlaku di Palestin, melalui penerapan ideologi nasionalisme dan perkauman yang merosakkan struktur kepercayaan agama.

Penulis turut mengangkat isu bahaya nasionalisme dan perkauman yang berpotensi mengikis atau mempertikaikan identiti masyarakat. Beliau menggunakan contoh British dan Pertubuhan Zionis untuk menggambarkan bagaimana agenda politik dan kuasa luar dapat mengeksloitasi ketidaan kesedaran terhadap nilai dan kepercayaan agama. Melalui contoh Palestin, penulis menunjukkan bahawa agenda politik sedemikian berpotensi merubah lanskap kepercayaan dan identiti masyarakat Islam secara menyeluruh, mengakibatkan pengikisan jati diri yang asal.

Di samping itu, Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti menekankan pentingnya memahami makna kemanusiaan serta tujuan hakiki kehidupan kita, sebagai usaha untuk mengukuhkan kesedaran identiti individu dan menghindarkan diri daripada terperangkap dalam agenda politik yang bertentangan dengan nilai-nilai Islam. Dalam konteks ini, pendidikan yang berkualiti serta pemahaman yang mendalam terhadap sejarah, budaya, dan kepercayaan adalah krusial untuk mengekalkan kesedaran identiti dan memupuk penghormatan terhadap kepelbagaiannya dalam masyarakat.

Tajuk kedua yang dibentangkan oleh Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti adalah berkaitan dengan persoalan, "Adakah Iman kepada Tuhan Suatu Metode Tertentu?" Dalam perbincangan ini, beliau meneliti sama ada kepercayaan kepada Tuhan dapat dianggap sebagai suatu cara berfikir yang unik. Menurut beliau, iman merupakan suatu kerangka pemikiran yang harus diyakini tanpa sebarang keraguan. Istilah "metode" di sini merujuk kepada langkah-langkah yang diambil semasa melakukan kajian terhadap sesuatu. Oleh itu, Allah mengkehendaki agar kita menggunakan pendekatan kajian yang adil, bebas daripada pengaruh nafsu. Pendekatan ini, selanjutnya, akan memupuk keyakinan yang kukuh terhadap Tuhan, seperti yang termaktub dalam firman-Nya:

وَلَا تَقْفُ مَا لَيْسَ لَكَ بِهِ عِلْمٌ إِنَّ الْسَّمْعَ وَالْبَصَرَ وَالْفُؤَادَ كُلُّ أُولَئِكَ كَانَ عَنْهُ مَسْأُولاً ٣٦

Terjemahan: "Dan janganlah engkau mengikut apa yang engkau tidak mempunyai pengetahuan mengenainya; sesungguhnya pendengaran dan penglihatan serta hati, semua anggota-anggota itu tetap akan ditanya tentang apa yang dilakukannya." (Surah Al-Isra': 36)

Al-Quran menegaskan bahawa memaksa individu untuk mempercayai sesuatu adalah tidak wajar. Namun, Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti menekankan kepentingan mempelajari dan memahami konsep ketuhanan. Beliau berpendapat bahawa pendalam pengetahuan dan pemahaman tentang Allah akan memperkuuh keimanan seseorang dan memberikan makna yang lebih mendalam terhadap iman tersebut. Proses pemahaman dan penghayatan ajaran agama adalah penting untuk memperkuuh keyakinan dan menjadikannya sebagai suatu aspek yang fundamental dalam kehidupan beragama kita.

Dalam tajuk ketiga yang bertajuk "Metod Ilmiah dan Nas Agama," Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti memulakan perbahasan dengan mengemukakan persoalan tentang cara-cara ilmu pengetahuan dapat diperoleh tanpa adanya sumber atau nas. Beliau menjelaskan bahawa pengetahuan mengenai perkara-perkara ghaib, seperti kehidupan sebelum dan selepas mati, syurga, neraka, serta keseluruhan alam semesta, tidak mungkin dicapai tanpa bimbingan nas agama. Seperti mana setiap barang yang dibeli disertakan dengan maklumat mengenai bahan dan panduan penggunaannya, pengetahuan juga memerlukan sumber yang sah untuk diperolehi. Hal ini menunjukkan bahawa ilmu pengetahuan tidak dapat dicapai semata-mata melalui pemikiran logik, tetapi memerlukan rujukan yang kukuh dari nas agama untuk membimbing pemahaman kita.

Selain itu, Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti menegaskan bahawa, dari segi logik, rujukan pengetahuan tidak akan menjadi sempurna tanpa adanya struktur pemikiran yang teratur. Ini merangkumi penelitian akliah yang matang serta komitmen terhadap sumber dan nas agama untuk memastikan bahawa ilmu yang diperoleh adalah tepat dan tidak dipengaruhi oleh nafsu atau prasangka peribadi. Beliau juga menekankan bahawa sinergi antara penelitian akliah dan nas agama adalah penting bagi menjamin kesahihan dan kebenaran pengetahuan yang kita peroleh. Hal ini menunjukkan bahawa untuk mencapai pemahaman yang mendalam dan holistik, kedua-dua elemen tersebut perlu digabungkan dengan bijaksana dalam proses pencarian ilmu.

Selain itu, tajuk keempat dalam penulisan ini membincangkan isu ketakutan yang didakwa berpunca daripada ketuanan nas-nas agama. Dalam tajuk ini, Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti menekankan kewujudan kelompok individu yang mengemukakan nas agama dan memaksa orang lain untuk menerima pernyataan mereka tanpa ruang untuk berfikir kritis. Sekiranya terdapat individu yang menolak atau enggan menerima pandangan tersebut, mereka akan dilabel sebagai kafir. Situasi ini menyebabkan individu terpaksa akur dan mengubah pendirian mereka semata-mata untuk mengelakkan tuduhan kafir, yang menimbulkan kesan negatif terhadap kebebasan berfikir dan penghayatan agama yang sebenar. Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti menyeru agar masyarakat tidak terperangkap dalam sikap tersebut dan menekankan pentingnya pemahaman yang mendalam serta dialog yang konstruktif dalam penghayatan ajaran agama.

Tambahan pula, terdapat segelintir ahli agama yang berpura-pura beriman dan bertutur dengan gaya yang menyerupai ahli akademik, tetapi sebenarnya mereka berselindung di sebalik nas-nas seperti al-Quran dan as-Sunnah untuk menutupi kebohongan dan kepentingan peribadi mereka. Tindakan ini adalah amat dilarang dalam Islam, kerana ia mencemari kesucian ajaran agama dan boleh menyesatkan masyarakat. Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti mengingatkan bahawa integriti dan kejujuran dalam menyampaikan ilmu agama adalah wajib, serta pengetahuan yang dipersembahkan haruslah selaras dengan prinsip-prinsip kebenaran dan keadilan. Kewajipan untuk memastikan bahawa nas-nas agama digunakan dengan betul dan tidak disalah tafsir adalah tanggungjawab bersama umat Islam, agar ajaran agama dapat diamalkan secara murni dan sahih.

Perbuatan berpura-pura beriman dalam Islam adalah sesuatu yang sangat tidak diterima dan bertentangan dengan prinsip-prinsip agama. Hal ini dapat dilihat apabila seseorang menunjukkan seolah-olah dia memiliki keyakinan dan ketakwaan yang tinggi, tetapi hakikatnya dia hanya berselindung di sebalik ayat-ayat al-Quran dan hadis untuk menutupi kebohongan dan kepentingan peribadi. Tindakan ini bukan sahaja menyalahi nilai-nilai kejujuran, keikhlasan, dan integriti yang diajar oleh Islam, tetapi juga mencemari imej agama itu sendiri. Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti menegaskan bahawa keikhlasan dalam beriman adalah atas kepada penghayatan agama yang sebenar, dan setiap individu perlu berusaha untuk memastikan bahawa niat dan tindakan mereka selaras dengan ajaran Islam yang tulen.

Bagi masyarakat Islam, kepercayaan kepada al-Quran dan as-Sunnah merupakan dasar yang sangat penting dalam mengamalkan agama. Oleh itu, apabila terdapat ahli agama yang menyalahgunakan ayat-ayat suci untuk tujuan yang tidak jujur atau untuk menyembunyikan kebenaran, tindakan tersebut dianggap sebagai perbuatan yang amat ditegah dan merupakan satu kesalahan yang serius. Penyalahgunaan nas-nas agama untuk kepentingan peribadi bukan sahaja merosakkan integriti individu tersebut, tetapi juga boleh menyesatkan masyarakat dan merosakkan pemahaman mereka terhadap ajaran Islam. Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti menekankan bahawa sebarang usaha untuk menyelewengkan ajaran agama demi keuntungan peribadi atau agenda tertentu haruslah ditentang, dan umat Islam perlu sentiasa berpegang kepada prinsip kejujuran, keikhlasan, dan kebenaran dalam semua aspek kehidupan mereka.

Oleh itu, kejujuran dan integriti dalam beragama adalah sangat krusial. Seseorang yang benar-benar beriman akan mengamalkan nilai-nilai kejujuran dalam setiap aspek kehidupannya, termasuk dalam dakwah dan pengajaran agama. Tindakan berpura-pura beriman hanya akan menodai martabat agama dan membingungkan masyarakat mengenai ajaran Islam yang sebenar. Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti menegaskan bahawa para pendakwah dan ahli agama perlu berpegang kepada prinsip keikhlasan dalam menyampaikan mesej agama, kerana kejujuran adalah dasar kepada kepercayaan masyarakat terhadap ajaran Islam. Dalam konteks ini, setiap individu perlu berusaha untuk menegakkan kebenaran dan berkomitmen untuk mengamalkan ajaran agama dengan tulus, bagi memastikan bahawa mereka tidak hanya menjadi pengamal yang baik tetapi juga teladan kepada masyarakat di sekeliling mereka.

Dalam penyampaian nas al-Quran dan as-Sunnah, terdapat kaedah-kaedah ilmiah yang perlu dipatuhi. Antara kaedah tersebut adalah memprioritaskan makna kata-kata yang jelas dan

hanya menggunakan makna kiasan apabila makna hakiki tidak dapat dilaksanakan. Melalui kaedah-kaedah ini, kita dapat mengelakkan tuduhan kafir (takfir), penilaian negatif terhadap orang lain sebagai jahil (tasfih), serta pengeluaran kritikan (naqd) yang tidak konstruktif. Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti menekankan bahawa pendekatan yang berhemah dalam memahami dan menyampaikan nas agama adalah penting untuk menjaga kesucian ajaran dan memelihara perpaduan dalam masyarakat. Penggunaan kaedah ilmiah yang betul bukan sahaja mengelakkan salah faham tetapi juga menggalakkan dialog yang sihat dalam kalangan umat Islam.

Dalam tajuk kelima yang bertajuk "Materialisme, Idealisme dan Agama," Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti membincangkan penolakannya terhadap dakwaan Ketua Jabatan Falsafah yang menyatakan bahawa Umat Islam lebih cenderung kepada falsafah idealisme berbanding falsafah materialisme, disebabkan pengaruh kuat elemen-elemen agama. Ketua Jabatan Falsafah tersebut menambah bahawa ramai pemikir cenderung kepada falsafah idealisme kerana terdapat hubungan erat antara idealisme dalam pemikiran mereka dan pengaruh agama, berbanding dengan falsafah materialisme yang sepenuhnya bergantung kepada sifat kebendaan.

Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti mengkritik pandangan ini dengan menegaskan bahawa pengaruh agama tidak semestinya menyebabkan kecenderungan kepada idealisme, tetapi sebaliknya, dapat memberikan penekanan kepada keseimbangan antara keduanya. Beliau berpendapat bahawa penghayatan agama yang tulen seharusnya tidak menolak realiti material, tetapi sebaliknya, mengiktiraf bahawa kedua-dua aspek ini berperanan penting dalam membentuk pemikiran dan kehidupan manusia.

Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti menegaskan bahawa prinsip akidah yang jelas merupakan refleksi kepada metode ilmiah yang kukuh dan bukan hasil daripada pengaruh falsafah seperti yang dinyatakan oleh Ketua Jabatan Falsafah tersebut. Beliau berpendapat bahawa akidah Islam yang sejati terbentuk melalui proses penelitian dan kajian yang sistematik, bukan sekadar daripada idealisme atau materialisme. Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti menekankan bahawa pendekatan ilmiah yang mendalam terhadap ajaran agama adalah penting untuk memahami hakikat akidah secara menyeluruh, di mana kombinasi antara penghayatan spiritual dan realiti material dapat menghasilkan pemahaman yang lebih komprehensif dan seimbang tentang kehidupan.

Seterusnya, dalam tajuk keenam yang bertajuk "Agama Sepatutnya Menyisihkan Diri Daripada Ilmu?!", Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti menjelaskan bahawa seorang ahli falsafah telah mengkritik al-Quran dengan mendakwa bahawa agama Islam telah menyimpang jauh dari landasannya yang sebenar dan memerlukan bimbingan daripada pakar dalam bidangnya. Ahli falsafah tersebut berpendapat bahawa para fuqaha seharusnya menghentikan sebarang hubungan dengan nas-nas agama kerana perkara tersebut tidak termasuk dalam bidang pengkhususan mereka.

Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti menolak pandangan ini, dengan menegaskan bahawa agama dan ilmu tidak sepatutnya dipisahkan. Beliau berpendapat bahawa pemahaman yang mendalam terhadap nas-nas agama adalah penting untuk memastikan kesinambungan dan integriti ajaran Islam. Dalam konteks ini, Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti menyeru agar para fuqaha dan ilmuwan agama terus berpegang kepada sumber-sumber agama, dan

mengaitkannya dengan perkembangan ilmu pengetahuan semasa untuk memastikan bahawa ajaran Islam tetap relevan dan dapat memenuhi keperluan masyarakat moden.

Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti juga meminta ahli falsafah tersebut untuk menjelaskan dengan lebih lanjut mengenai pihak yang menetapkan sempadan agama dan menggariskan skop pengkhususan terhadap agama. Dalam konteks ini, Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti mengajukan persoalan mengenai peranan skop tersebut yang tidak mempunyai sebarang kaitan dengan ilmu, serta menyoal apakah nilai yang ada jika kehidupan manusia dipisahkan daripada ilmu. Walau bagaimanapun, ahli falsafah tersebut tidak dapat memberikan jawapan yang memadai terhadap persoalan-persoalan yang diajukan oleh Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti.

Beliau tetap berpegang kepada pandangan positif bahawa ahli falsafah tersebut memahami bahawa Allah SWT adalah sumber agama Islam dan bahawa Dialah yang mensyariatkan umat manusia untuk berpegang teguh kepadaNya. Ini selaras dengan firman Allah SWT dalam al-Quran yang menyatakan:

الْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَقْمَتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَةٍ وَرَضِيَتُ لَكُمْ إِلَّا سُلَّمَ دِينًا

Terjemahan: "Pada hari ini, Aku telah sempurnakan bagi kamu agama kamu, dan Aku telah cukupkan nikmatKu kepada kamu, dan Aku telah redhakan Islam itu menjadi agama kamu." (al-Maidah: 3)

Dengan ini, Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti menegaskan bahawa penghayatan agama haruslah sentiasa dikaitkan dengan ilmu, dan keduanya tidak boleh dipisahkan demi memastikan pemahaman yang holistik dan komprehensif terhadap ajaran Islam.

Pada tajuk seterusnya, "Penulis Berbicara dan Berdialog Dengan Dirinya Sendiri," Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti menjelaskan pendekatan introspektif yang diambilnya dalam membahas kenyataan-kenyataan yang diutarakan oleh ahli falsafah tersebut. Beliau mengesahkan bahawa tidak terdapat sebarang urusan langsung antara dirinya dan Ketua Jabatan Falsafah itu, memandangkan keengganannya pihak tersebut untuk memberikan ulasan terhadap kenyataan yang telah dikemukakan.

Melalui dialog ini, Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti bertujuan untuk merenung dan menganalisis isu-isu yang dibangkitkan, serta mempertimbangkan implikasi dari pandangan yang diketengahkan oleh ahli falsafah tersebut. Pendekatan ini bukan sahaja menunjukkan kedalaman pemikirannya tetapi juga menekankan pentingnya refleksi kritis dalam memahami dan menilai hujah-hujah yang berkaitan dengan agama dan ilmu. Dengan demikian, beliau berusaha untuk memberi penjelasan yang lebih jelas dan mendalam tentang kedudukan agama dalam konteks pemikiran moden tanpa melibatkan langsung individu yang terlibat.

Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti berkeyakinan bahawa ahli falsafah tersebut telah mencipta suatu versi Islam yang berbeza daripada hakikatnya yang sebenar. Dalam konteks Islam, terdapat kepercayaan yang kukuh bahawa terdapat individu-individu tertentu yang terlindung daripada dosa atau kesilapan, dikenali sebagai maksum. Namun, pandangan ahli falsafah ini berbeza, di mana beliau menolak konsep tersebut serta menentang kepercayaan terhadap pelbagai mazhab dalam pemikiran Islam.

Beliau dengan berani mengemukakan penolakannya terhadap kepercayaan ini, melihatnya sebagai langkah untuk memperkuuh pandangan bahawa agama Islam adalah sesuatu yang bertentangan dengan pemikiran falsafah yang bersifat skeptikal. Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti menegaskan bahawa pendekatan seperti ini mengaburkan pemahaman yang sebenar tentang ajaran Islam dan mengabaikan nilai-nilai kepercayaan yang mendasari akidah umat Islam. Dengan demikian, beliau mengajak masyarakat untuk kembali kepada prinsip-prinsip asas ajaran Islam yang menekankan kesucian dan kebenaran, serta menghargai keberadaan maksum dalam tradisi keagamaan.

Kesan daripada penolakan ini adalah kemunculan golongan yang beranggapan bahawa Islam hanyalah hasil pemikiran manusia semata-mata, di mana segala yang disampaikan berpotensi untuk dianggap benar atau salah, termasuk al-Quran yang dianggap sebagai produk pemikiran manusia. Pandangan ini jelas bertentangan dengan keyakinan umat Islam yang menganggap al-Quran sebagai wahyu ilahi yang tidak boleh dipertikaikan.

Seperti yang dinyatakan dalam Surah Fussilat, ayat 42:

لَا يَأْتِيهُ أَبْطَلُ مِنْ بَيْنِ يَدَيْهِ وَلَا مِنْ خَلْفِهِ تَنْزِيلٌ مِنْ حَكِيمٍ حَمِيدٍ

Terjemahan: "Yang tidak dapat didatangi sebarang kepalsuan dari mana-mana arah dan seginya; ia diturunkan dari Tuhan Yang Maha Bijaksana, lagi Maha Terpuji."

Pandangan yang meragukan keabsahan al-Quran sebagai wahyu ini bukan sahaja mengancam akidah umat Islam, tetapi juga berpotensi untuk meruntuhkan asas moral dan etika yang ditetapkan dalam ajaran Islam. Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti menekankan perlunya umat Islam untuk mempertahankan kebenaran al-Quran sebagai sumber rujukan yang mutlak dan suci, serta menolak sebarang bentuk pemikiran yang merendahkan martabat wahyu ilahi.

Oleh itu, dapat dikatakan bahawa ahli falsafah tersebut menolak segala aspek yang berkaitan dengan agama Islam dan mengantikannya dengan kerangka pemikiran falsafah. Pendekatan ini, secara jelas dan tegas, bertentangan dengan prinsip-prinsip ajaran Islam, di mana falsafah dianggap sebagai satu-satunya sumber kebenaran yang layak untuk diikuti. Pendekatan ini mengabaikan dimensi spiritual dan moral yang integral dalam ajaran Islam, sekaligus memperlihatkan kecenderungan untuk mendiskreditkan nilai-nilai agama dalam pencarian kebenaran.

Bahagian seterusnya membincangkan subtopik "Keanehan Yang Kami Bantah," di mana Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti mengemukakan pandangan bahawa terdapat individu yang menyimpan teori peribadi mengenai Islam dan membuat kesimpulan asas berdasarkan teori tersebut. Namun, Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti mendapati bahawa asas-asas teori tersebut adalah berbeza, yang menjadikan situasi ini sebagai sesuatu yang pelik dan aneh. Beliau mempersoalkan bagaimana seorang lelaki tersebut dapat menerima kebolehan logik dirinya dan meragui kuasa yang menentukan logik serta implikasinya dalam perdebatan yang telah berlangsung.

Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti berharap agar lelaki tersebut, yang merupakan seorang ahli falsafah, membenarkan aplikasi mazhab peribadinya dalam konteks perdebatan tersebut. Dalam hal ini, lelaki tersebut berusaha untuk mengaburi Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-

Buti dengan mendakwa bahawa beliau tidak berniat untuk mengingkari wahyu Ilahi dan meminta agar Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti tidak menuduhnya sedemikian.

Lebih lanjut, lelaki tersebut mengajukan pertanyaan tentang keimanan Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti kepada wahyu dan Tuhan, yang seolah-olah menyangkal kebenaran tentang Allah SWT. Menanggapi situasi ini, Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti menegaskan bahawa individu yang berakal dan waras seharusnya menyedari bahawa Allah Azza wa Jalla adalah Tuhan yang mencipta dan bukan dicipta.

Beliau menekankan bahawa jika lelaki tersebut benar-benar waras, maka dia sepatutnya menyedari hakikat ini. Walau bagaimanapun, Ketua Jabatan Falsafah itu tetap berkeras bahawa beliau beriman terhadap wahyu dan mengingatkan Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti agar tidak membuat tuduhan sebaliknya. Perbincangan ini mencerminkan perdebatan yang kompleks mengenai keimanan, logik, dan interpretasi wahyu dalam konteks pemikiran Islam dan falsafah.

Subtopik seterusnya membincangkan persoalan “Adakah wahyu al-Quran terjejas oleh kelemahan manusiawi?” Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti merumuskan isu ini dengan mempertanyakan sama ada terdapat unsur kekurangan manusiawi dalam al-Quran yang diwahyukan kepada Sayidina Muhammad s.a.w. Beliau dengan tegas menyatakan bahawa al-Quran adalah suatu realiti yang dapat dilihat kesannya dan difahami melalui akal manusia. Wahyu tersebut tidak mengandungi sebarang kecacatan dalam struktur bahasa dan maksudnya adalah berobjektif serta terarah.

Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti juga menekankan bahawa hingga ke hari ini, tiada seorang pun pemikir dalam sejarah Arab atau pemikiran Islam yang mendakwa bahawa al-Quran terjejas dengan sebarang campuran unsur kemanusiaan, termasuk kesucian Nabi Muhammad s.a.w. Beliau menggariskan bahawa hasil kajian ilmiah dan analisis yang mendalam terhadap al-Quran telah menunjukkan kejelasan dan keutuhan wahyu tersebut.

Melalui subtopik ini, Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti mengupas pelbagai ayat al-Quran serta topik-topik yang berkaitan dengan keunikian dan pemikiran manusiawi. Beliau juga membincangkan pendekatan penulisan psikologi wanita dalam konteks yang lebih luas. Pendekatan ini menunjukkan komitmen penulis untuk mendalami kitab suci ini dengan sepenuh hati, menyelami ayat-ayatnya, serta membincangkan perintah dan larangan yang terkandung di dalamnya, seperti yang tertera dalam muka surat 82 hingga 89. Dengan ini, beliau menekankan pentingnya memahami al-Quran dalam konteks yang komprehensif dan kritis, sekaligus menegaskan kedudukan al-Quran sebagai wahyu yang suci dan tidak terjejas oleh unsur-unsur kelemahan manusiawi.

Dalam subtopik terakhir, Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti menyimpulkan pemikirannya dengan merangkum peristiwa-peristiwa yang berlaku antara pelbagai pihak. Beliau menegaskan bahawa Islam berfungsi sebagai contoh yang memberi semangat kepada generasi beragama untuk menghadapi pelbagai cabaran zaman, merangkumi aspek politik, sosial, dan ekonomi. Oleh itu, adalah penting untuk menggabungkan falsafah dengan penekanan terhadap kepentingan agama dalam usaha menyelesaikan masalah-masalah yang timbul. Pendekatan yang hanya bergantung kepada metodologi semata-mata tidak mampu memberikan penyelesaian yang berkesan terhadap masalah yang dihadapi.

Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti menyatakan bahawa masalah-masalah ini tidak akan membantu pemerintah dalam mencapai kemenangan, kemajuan, dan keamanan, kerana penyebab utama masalah tersebut adalah ketidakselarasan antara hati dan akal mereka dengan metodologi dan logika yang mempunyai asas pemikiran dan tingkah laku yang konsisten. Dalam pandangannya, beliau tidak memandang tinggi terhadap falsafah dalam apa jua zaman. Individu yang mengikut aliran eksistensialisme, idealisme, atau materialisme seringkali mengenali diri mereka sebagai ahli falsafah, tetapi Dr. Muhammad Sa'id Ramadhan al-Buti menegaskan bahawa beliau tidak pernah benar-benar memahami falsafah dalam erti kata yang mendalam, melainkan melihatnya sebagai usaha berkesinambungan untuk memahami inti kewujudan dan rahsia-rahsia falsafah.

Dengan demikian, beliau mengajak masyarakat untuk merenungkan dan mempertimbangkan pengaruh agama dan falsafah secara bersinergi dalam menghadapi realiti kehidupan, serta menegaskan perlunya kesatuan antara pemikiran dan tindakan dalam mencapai matlamat yang lebih tinggi dalam kehidupan beragama.

Kesimpulan yang dapat diambil daripada karya Dr. Sa'id Ramadan al-Buti menunjukkan bahawa ahli falsafah yang dibincangkan telah menyimpang jauh dari landasan pemikiran yang benar. Hal ini disebabkan oleh keterbatasan pandangannya yang hanya berfokus kepada kerangka pemikiran falsafah semata-mata, sambil menolak sepenuhnya segala aspek yang berkaitan dengan ajaran agama Islam. Dalam konteks ini, buku ini dihasilkan sebagai suatu usaha penulis untuk membetulkan kesalahfahaman yang timbul, dengan memberikan penjelasan yang jelas mengenai metodologi yang seharusnya dijadikan ukuran dalam penilaian yang dibuat.

Namun demikian, bagi pembaca awam, buku ini mungkin agak sukar untuk dicerna sepenuhnya kerana penggunaan istilah-istilah yang kompleks dan perbincangan yang memerlukan pengetahuan asas dalam bidang falsafah untuk memahami kandungannya. Oleh itu, adalah penting bagi pembaca untuk memiliki latar belakang yang mencukupi agar dapat mengapresiasi dan memahami dengan lebih mendalam argumen-argumen yang dikemukakan oleh Dr. Sa'id Ramadan al-Buti dalam karyanya.

## **RUJUKAN**

Dr. Sa'id Ramadan Al-Buti (2018). *Agama Dan Falsafah*. Selangor: Nizamiyyah Publications & Distributors

## **Muhammad Faiz Mukmin Bin Abdul Mutalib**

Pensyarah Jabatan Dakwah dan Usuluddin  
Fakulti Pengajian Peradaban Islam  
Universiti Islam Selangor